

KONSEP DAN ISU HAD KIFAYAH, KEMISKINAN BANDAR DAN JANTINA DALAM PENGAGIHAN ZAKAT

Ahmad Fahme Mohd Ali¹, Mohd Faisol Ibrahim², Muhammad Ridhwan Ab Aziz³, Fuadah Johari^{4*},

¹⁻⁴ Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Zakat merupakan antara sumber kewangan bagi sesebuah negara Islam untuk meningkatkan ekonomi masyarakat khususnya golongan bawahan. Pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif akan membangunkan kehidupan masyarakat yang unggul. Disebalik peningkatan jumlah kutipan dan agihan zakat, jumlah peningkatan di kalangan golongan fakir dan miskin terus meningkat dari tahun ke tahun. Ini disebabkan terdapat beberapa kelemahan dalam kaedah pengagihan ini. Pertama, ianya tidak mengambil kira perbezaan antara kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar. Kedua, keperluan jantina ketua isi rumah yang berlainan tidak ditangani dalam pengiraan Garis Kemiskinan Zakat (Had Kifayah). Untuk menjadikan bantuan zakat memberi kesan yang signifikan kepada kualiti hidup golongan fakir dan miskin, satu tindakan yang drastik perlu dilakukan untuk memastikan kualiti hidup mereka adalah terjamin sekurang-kurangnya mendapat barang keperluan dan kecukupan. Nilai bantuan zakat perlu dinilai semula berdasarkan keperluan semasa kerana nilai bantuan yang diberi amatlah kecil berbanding dengan keperluan kehidupan semasa. Ini termasuklah mengambil kira keperluan yang berbeza dan kos sara hidup yang berbeza antara asnaf di kawasan bandar dan luar bandar serta jantina ketua isi rumah. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau kajian-kajian lepas berdasarkan dua faktor penting dalam penetapan Had Kifayah iaitu kemiskinan di antara kawasan Bandar dan luar Bandar dan jantina ketua isi rumah.

Kata Kunci: Zakat, Had Kifayah, Kemiskinan Bandar-Luar Bandar, Jantina Ketua Isi Rumah

* Corresponding author: Fuadah Johari, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malayasi. E-mail: fuadah@usim.edu.my

Pengenalan

Zakat adalah rukun Islam yang ketiga. Ianya adalah satu bentuk ibadah wajib yang ditetapkan dan diperintahkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran:

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (Al-Qur'an 9:60)

Zakat adalah tanggungjawab dari Allah SWT kepada manusia, sama seperti kewajipan menunaikan solat lima waktu. Zakat sangat penting dalam memainkan peranan sebagai mekanisme ibadat kewangan dengan beberapa fungsi utama yang berkaitan dengan hak-hak keselamatan sosial, pemberian bantuan sosial, subsidi makanan, pendidikan, penjagaan kesihatan, perumahan, dan pengangkutan awam di sesebuah Negara (Jasni Sulong, 2012; Hairunnizam Wahid, 2004, 2009). Ianya memisahkan perbelanjaan kebajikan awam dari lain-lain barangan belanjawan dan meletakkan beban untuk memenuhi keperluan kebajikan ekonomi masyarakat miskin. Tidak seperti cukai yang dikenakan oleh kerajaan untuk perkhidmatan yang disediakan kepada pembayar cukai, zakat dibayar oleh golongan yang kaya dan akan diagihkan kepada golongan Asnaf (Penerima Zakat).

Menurut M. Ridhwan (2012) zakat mewujudkan kitaran pertumbuhan yang seimbang bagi sesebuah ekonomi. Apabila peratusan tertentu daripada kekayaan seseorang dibelanjakan dalam setahun, diserahkan kepada lapan kategori yang tersebut di dalam Al-Qur'an, zakat mempunyai kesan ekonomi yang penting kepada masyarakat Islam. Sokongan daripada sudut kewangan kepada golongan fakir dan miskin akan menyebabkan peningkatan dalam permintaan untuk barangan dan perkhidmatan (Bakar, 2011; Hasan, 2010). Ini disebabkan oleh kemampuan golongan ini berbelanja dan mewujudkan permintaan untuk keperluan asas kehidupan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan dan lain-lain, akan menyebabkan perkembangan dalam pengeluaran. Seterusnya bagi menyokong peningkatan pengeluaran, lebih banyak peluang-peluang pekerjaan baru akan wujud. Pertambahan peluang pekerjaan pula akan menjana lebih banyak permintaan untuk barangan dan perkhidmatan, lebih banyak ruang untuk pelaburan, dan akhirnya, kitaran pertumbuhan ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Ahmad, 2004; M. Ridhwan, 2012).

Kajian empirikal oleh Geoffrey A. Jehle (1994) membuktikan agihan zakat yang telah diberi kepada asnaf telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di Pakistan. Abdul Aziz Muhammad (1986) juga membuktikan bahawa agihan zakat berperanan untuk membasmi kemiskinan, instrumen agihan pendapatan dan kekayaan dalam Islam. Selain itu kajian Patmawati Ibrahim (2006) di Selangor dan Fuadah Johari (2004) di Melaka menunjukkan zakat berkesan dalam mengurangkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan dan seterusnya berjaya mengatasi masalah kemiskinan. Indeks kemiskinan berdasarkan Keluk Lorenz, Koefesien Gini dan indeks Atkinson menunjukkan sumbangan positif agihan zakat di negeri-negeri tersebut.

PRESTASI PENGURUSAN ZAKAT DAN KEMISKINAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, pungutan zakat semakin meningkat dari semasa ke semasa. Disebabkan itu, zakat berperanan sebagai kaedah dalam mengurangkan kemiskinan. Kutipan zakat boleh digunakan untuk mewujudkan tarikan dana yang boleh digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan pembiayaan dan boleh menggantikan perbelanjaan kerajaan. Sebagai contoh dari tahun 2011 kepada 2012, kutipan zakat telah meningkat daripada RM 15,650,000 RM 40,620,000. Ini menunjukkan bahawa zakat mempunyai peluang yang tinggi bagi mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan di Malaysia. Jadual 1 menunjukkan jumlah kutipan dan agihan zakat di Malaysia pada tahun 2008-2011.

Jadual 1 Kutipan dan Agihan Zakat Di Malaysia Bagi Tahun 2008 - 2011

NEGERI	2008 (RM Juta)		2009 (RM Juta)		2010 (RM Juta)		2011 (RM Juta)	
	CLC	DST	CLC	DST	CLC	DST	CLC	DST
Johor	101	74	109	97	122	115	137	151
Kedah	53	42	68	56	77	66	106	80
Kelantan	58	24	67	56	70	65	94	80
Melaka	27	21	31	32	34	30	38	34
N. Sembilan	37	37	42	41	50	52	58	59
P.Pinang	42	46	48	52	53	54	60	54
Pahang	58	22	72	47	81	59	89	60
Perak	57	37	67	60	70	67	86	68
Perlis	23	16	25	27	38	30	59	43
Sabah	24	19	25	24	33	26	34	32
Sarawak	36	18	37	24	39	24	44	27
Selangor	244	189	284	277	337	330	394	372
Terengganu	66	36	74	53	76	62	88	65
Wilayah Persekutuan	211	168	249	175	282	201	347	247

Sumber: JAWHAR 2012


CLC – Collection / Kutipan

DST – Distribution / Agihan

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah kutipan dan agihan zakat telah meningkat dari tahun 2008 sehingga tahun 2011. Prestasi ini menunjukkan peningkatan tahap kepercayaan yang diletakkan oleh pembayar zakat kepada jabatan pengurusan zakat. Peningkatan yang memberangsangkan ini disebabkan oleh banyak faktor antaranya kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastaan institusi zakat dan sebagainya. Penswastaan institusi zakat telah menimbulkan minat ramai pengkaji untuk melihat kesannya terhadap jumlah kutipan zakat (Hairunnizam Wahid et.al, 2009).

Sejak tahun 1989, kemiskinan Malaysia lebih tertumpu di kawasan luar Bandar. Sebagai contoh, pada tahun 1989, 16.5 peratus daripada isi rumah di Malaysia berada di bawah garis kemiskinan. Peratusan bilangan isi rumah miskin luar bandar ialah 21.1 peratus, selebihnya 7.1 peratus adalah kemiskinan di bandar. Sepanjang tahun 1989 hingga 2009, kemiskinan di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi daripada kawasan bandar namun pada tahun 2012 bilangan peratusan kemiskinan di kawasan bandar melebihi peratusan bilangan kemiskinan di kawasan luar bandar. Pada tahun 2012, fenomena kemiskinan menjadi lebih serius di kawasan bandar dengan 3.4 peratus kadar kemiskinan yang berlaku di kawasan bandar. Kadar kemiskinan luar bandar telah berkurangan pada tahun 1989 sebanyak dua pertiga berbanding tahun 2004. Kadar kemiskinan bandar telah dikurangkan separuh setiap 6 tahun dari 1989 hingga 1995. Menjelang 2012, hanya 1 peratus daripada isi rumah luar bandar hidup dalam kemiskinan manakala jumlah bandar kemiskinan meningkat kepada 3.4 peratus. Ini adalah disebabkan oleh proses urbanisasi yang pesat yang telah berlaku sejak beberapa dekad bermakna bilangan golongan miskin di bandar kini dianggap penting.

Carta 1 Malaysia: Kadar Kemiskinan (Bandar-Luar Bandar) 1989-2012



Sumber: Jabatan Statistik 2010

Urban: Bandar

Rural: Luar Bandar

KONSEP HAD KIFAYAH

Kebanyakan institusi zakat menggunakan pendekatan kewangan dalam mengukur kemiskinan berdasarkan kaedah Had Kifayah (Purata Garis Kemiskinan Zakat). Kaedah pengiraan Had Kifayah (HK) adalah hampir sama dengan Purata Garis Kemiskinan (PGK) kerana ia menggunakan pendapatan sebagai pembolehubah untuk menentukan sama ada individu atau isi rumah itu miskin atau sebaliknya (Mohamed Salahuddin Abdul Rasul et al, 2011). PGK didefinisikan sebagai pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan minimum termasuklah makanan, kesihatan, pakaian, pendidikan, rekreasi, pengangkutan, minyak dan sewa (EPU, 2012). PGK ini telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, manakala Had Kifayah ditentukan oleh institusi zakat negeri masing-masing.

Had kifayah memainkan peranan bagi menentukan tahap keperluan yang diperlukan oleh isi rumah untuk menampung keperluan harian. Ianya dikira berdasarkan pelbagai pembolehubah seperti bilangan ahli dalam isi rumah, kumpulan umur dan lain-lain. Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR,2007) telah menggariskan beberapa komponen utama dalam menentukan keperluan Had Kifayah seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan berdasarkan *Maqasid al Syariah* (Objektif Syariah). Walau bagaimanapun, terpulang kepada setiap institusi zakat negeri untuk menentukan keperluan setiap komponen ini. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa Had Kifayah adalah berbeza bergantung kepada bilangan ahli isi rumah dan kumpulan umur dalam isi rumah.

Penggunaan Had Kifayah bertujuan untuk memudahkan proses penentuan golongan miskin tegar, miskin dari golongan yang tidak miskin. Qardawi (2000) dan Parid (2001) mengesyorkan bahawa pengagihan zakat perlu sekurang-kurangnya mencukupi tahap kos sara hidup minimum dan keselesaan untuk penerima dan tanggungannya. Jumlah zakat diagihkan perlu dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti di mana kesan pengagihan zakat adalah untuk mencapai atau mencukupi taraf hidup Keperluan Asas (*Daruriyyat*) dan Keselesaan (*Hajjiyyat*) (Qardhawi, 2000).

Othman al-Habshi (1990; 1998; 2006) menjelaskan bahawa zakat adalah cara yang paling berkesan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Islam menekankan umatnya untuk mengambil serius peranan zakat dalam memperbaiki kehidupan sosial umat

Islam yang miskin. Beliau juga menyatakan bahawa kadar zakat yang diterima oleh orang miskin sepatutnya membantu mereka meningkatkan taraf hidup mereka, iaitu, dalam memenuhi *Daruriyyat* mereka dan keperluan *Hajiiyyat* mereka yang menjadi keperluan minimum dalam hidup mereka. Oleh itu, zakat yang diterima oleh mereka haruslah membolehkan mereka untuk meningkatkan keperluan kehidupan mereka. Perspektif keperluan di sini bermaksud kesejahteraan dalam kehidupan untuk mencapai kemudahan dan keselesaan dalam kehidupan mereka. Jadual 2 menunjukkan contoh penentuan Had Kifayah berdasarkan keperluan isi rumah di Selangor.

Jadual 2 Penentuan Had kifayah di Selangor

Jum	Kategori Isi Rumah	Jumlah had kifayah (RM)
1	Ketua Isi Rumah	680
1	Dewasa (Bekerja)	420
1	Dewasa (Tidak Bekerja) (18 tahun ke atas)	240
1	Kanak-kanak (berumur 7-17)	180
1	Kanak-kanak (berumur 1-6)	130
JUMLAH		1650
	Had al Kifayah Tambahan (Kes Khas)	
1	Cacat	200
1	Penjagaan Kanak-kanak	190
1	Isi rumah dengan penyakit kronik	200
JUMLAH		590

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Sebagai contoh, sekiranya sebuah keluarga itu mempunyai 5 anggota keluarga dengan kedua-dua ibu bapa bekerja, seorang dewasa bekerja yang berumur 18 tahun, seorang kanak-kanak dalam kumpulan umur 7-17 dan kanak-kanak dalam kumpulan umur 1-6, maka Had Kifayah keluarga tersebut adalah RM 1650. Namun, sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah RM 1800, maka keluarga ini tidak layak untuk menerima zakat kerana pendapatan isi rumah tersebut melebihi Had Kifayah yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan mereka adalah RM 650, maka mereka layak untuk menerima zakat sebanyak RM 1000 bagi mencukupi Had Kifayah mereka. Di samping itu, sekiranya isi rumah tersebut mempunyai penyakit kronik, jumlah Had Kifayah mereka akan meningkat. Penentuan Had Kifayah yang diamalkan oleh Lembaga Zakat Selangor adalah komprehensif dan lebih terperinci berbanding dengan institusi-institusi zakat yang lain di Malaysia.

Menurut Maslow (1954), keperluan asas seseorang yang mesti dipenuhi sebelum meneruskan kehidupan untuk keperluan masa hadapan. Oleh itu, seseorang mesti mencapai atau memenuhi keperluan asas pertama untuk terus hidup di mana keperluan yang paling asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sebelum beralih kepada memenuhi keperluan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, jika keperluan asas seseorang individu tidak dapat dipenuhi, ini menunjukkan bahawa hidupnya tidak berkualiti. Walau bagaimanapun, jika keperluan asas telah dipenuhi, seseorang itu akan beralih kepada keperluan yang lebih tinggi dan keperluan lain. Menurut Maslow, seseorang akan cuba untuk memenuhi keperluan dan cuba untuk mendapatkan keperluan tertinggi (kepuasan diri). Jika seseorang mencapai kepuasan diri, dia boleh dikatakan telah mendapat kualiti tertinggi kehidupan (Maslow, 1954).

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis penelitian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data atau karya tulisan ilmiah yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah dan internet. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data yang berkaitan daripada dokumen-dokumen tertentu dan menyusun pangkalan data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih lengkap berkaitan dengan isu Had Kifayah dan isu-isu kemiskinan bandar dan luar bandar serta kemiskinan antara jantina ketua isi rumah di Malaysia.

ISU-ISU DALAM KAJIAN TERDAHULU

Keadah pengagihan semasa zakat di Malaysia masih memberi tumpuan kepada pengagihan bulanan yang masih tidak dapat menyelesaikan isu kemiskinan dalam masyarakat Islam. Ini disebabkan oleh beberapa kelemahan dalam kaedah ini. Pertama, ianya tidak mengambil kira perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar. Kedua, keperluan jantina ketua isi rumah yang berlainan adalah berbeza dan tidak ditangani dalam pengiraan had kifayah. Oleh itu, kaedah semasa pengagihan zakat tidak dapat menyokong penerima zakat dan keluarga mereka dan mengubah kehidupan mereka yang lebih baik. Bantuan modal bulanan zakat yang diagihkan kepada Asnaf (penerima zakat) yang memenuhi kriteria tertentu mestilah mencukupi untuk meliputi keperluan asas mereka, termasuk makan, pakaian dan perumahan untuk masa yang tertentu.

FAKTOR PERTAMA: PERBEZAAN ANTARA KOS SARA HIDUP BANDAR-LUAR BANDAR

Ukuran kemiskinan zakat (Had Kifayah) di Malaysia adalah berdasarkan garis kemiskinan tanpa mengambil kira perbezaan antara kos sara hidup bandar dan luar bandar. Kebanyakan ahli akademik mengakui kepentingan pelarasan antara kos sara hidup di kawasan bandar dan luar bandar dalam mengkaji kemiskinan. Ketiadaan Had Kifayah berasingan antara kawasan bandar dan luar bandar telah menyebabkan kajian sebelum ini menggunakan garis kemiskinan (PGK) berdasarkan harga purata perbezaan di antara kawasan bandar dan luar bandar (Ahmad Fahme, 2011). Perbezaan kos sara hidup antara bandar dan luar bandar yang jauh melebihi kos sara hidup sebenar akan memberikan gambaran yang mengelirukan terhadap kesan pengagihan zakat, serta proses penentuan golongan yang layak menerima zakat. Oleh yang demikian, dalam menentukan garis kemiskinan bagi kawasan bandar dan luar bandar, faktor perbezaan kos sara hidup di seluruh kawasan ini hendaklah diambil kira.

Asra (2000) dalam satu kajian perbandingan antara kadar kemiskinan bandar dan luar bandar di Indonesia, mendapati bahawa kadar kemiskinan di kawasan luar bandar adalah sentiasa lebih tinggi daripada di kawasan bandar. Bagaimanapun berdasarkan anggaran rasmi yang menggunakan kaedah lama telah menunjukkan bahawa antara tahun 1980 dan 1993, kadar kemiskinan di bandar adalah lebih tinggi daripada kadar kemiskinan luar bandar. Kaedah pengiraan ini telah dikritik oleh Ravallion (1992) dan Ravallion dan Bidani (1994) kerana perbezaan garis kemiskinan antara bandar dan luar bandar adalah jauh lebih tinggi daripada perbezaan kos sara hidup bandar dan luar bandar.

Ravallion dan Bidani (1994) juga telah menyatakan bahawa garis kemiskinan di rantau itu tidak konsisten, yang menyebabkan pengiraan kemiskinan antara bandar dan luar bandar adalah mengelirukan. Bagi mereka persoalan 'konsisten' adalah perlu untuk membolehkan perbandingan yang betul antara kemiskinan bandar dan luar bandar. Ravallion dan Bidani (1994) menunjukkan bahawa jumlah makanan (*food bundle*) antara bandar dan luar bandar yang diperlukan (2,100 kalori setiap orang) setiap hari bagi tahun 1990 berbeza dengan ketara

antara satu sama lain, yang menunjukkan bahawa taraf hidup juga berbeza di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Kemiskinan Bandar Vs Kemiskinan Luar Bandar

Kemiskinan bandar dan luar bandar merupakan dua fenomena yang berbeza. Menurut Laporan Bank Pembangunan Dunia sejumlah 495 juta golongan miskin bandar pada tahun 2010 yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (World Bank, 2012). Jika dilihat dari segi peratusan, kemiskinan di bandar mempunyai jumlah yang kurang berbanding dengan luar bandar. Bagaimanapun, impak kemiskinan di bandar lebih terasa berbanding dengan luar bandar. Seseorang yang tinggal di bandar mendiami rumah batu, mempunyai kereta ataupun motosikal, berpendapatan melebihi PGK namun mereka mempunyai bilangan tanggungan yang ramai, kos sara hidup yang tinggi terutamanya sewa rumah, pengangkutan dan pelbagai perbelanjaan keperluan asas dan perkhidmatan (Chamhuri Siwar, 2011).

Disamping itu, terdapat banyak perbezaan antara corak perbelanjaan isi rumah dan corak kemiskinan antara kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, peratusan perbelanjaan isi rumah masyarakat bandar lebih banyak tertumpu kepada barangan bukan makanan (*non food item*) seperti rumah, pengangkutan dan pelajaran. Ini berbeza dengan corak perbelanjaan di kawasan luar bandar yang banyak tertumpu kepada perbelanjaan makanan. Bagi golongan ini barangan bukan makanan hanya di perolehi selepas keperluan makanan dipenuhi serta terdapat lebihan dari perbelanjaan makanan (Ravallion and Bidani, 1994). Selain itu, corak kemiskinan di bandar selalunya melibatkan hutang samada dengan bank atau institusi kewangan manakala di kawasan luar bandar, kemiskinan mereka tidak melibatkan hutang (Alam, 2011).

Bagi sesetengah negara yang sedang membangun seperti China, Malaysia, India dan Indonesia, kemiskinan bandar adalah satu masalah yang serius yang menjadi fokus utama dalam inisiatif atau polisi pembangunan mereka. Ini kerana kemiskinan bandar mencetus berbagai masalah di bandar seperti permasalahan setinggan bandar, kemiskinan, peningkatan kes jenayah dan masalah sosial, penurunan taraf kesihatan dan tahap keselamatan, pengabaian terhadap pendidikan anak-anak dan berbagai permasalahan alam sekitar khususnya pencemaran (Mohd Fadzil Abdul Rashid et.al, 2007). Oleh itu, kemiskinan bandar menyebabkan penduduk sentiasa berhadapan dengan keadaan yang tidak selamat sama ada di dalam mahupun di luar tempat tinggal. Berbagai masalah yang dicetuskan oleh kemiskinan bandar pula saling mempengaruhi di antara satu dengan yang lain (Hasan Bahrom, 2004).

Seterusnya kemiskinan di luar bandar wujud disebabkan oleh pengabaian sektor pertanian yang menjadi penyumbang ekonomi terbesar kepada masyarakat luar bandar (Yunus, 2007). Hasilnya timbul masalah hutang, pembahagian tanah yang tidak adil, bertani di tanah yang disewakan dari orang lain yang menyebabkan pengeluaran yang rendah, pendapatan yang kecil, tahap pendidikan yang rendah dan taraf kesihatan yang rendah. Selain itu, eksploitasi dan monopoli orang tengah dan tanah yang tidak ekonomik juga dikatakan antara penyebab kepada kemiskinan di desa (Nurhayati, 2011). Ibnu Khaldun (1332-1406) mengutarakan konsep kemiskinan dari segi perbezaan masyarakat *Badawah* (luar bandar) dan masyarakat *Hadharah* (bandar). Beliau berkata keadaan hidup di bandar berkembang pesat kerana adanya tuntutan kemewahan berbanding di luar bandar yang rata-ratanya terdiri daripada penduduk yang lemah dan daif kerana kemiskinan mereka. Keadaan ini berlaku kerana pendapatan mereka tidak cukup untuk menampung keperluan dan tidak dapat memberi lebihan yang dapat dikumpulkan sebagai keuntungan (Ibnu Khaldun, 1993).

Di samping itu, sesetengah pengkaji berpendapat bahawa kemiskinan di luar bandar, khususnya di kalangan petani padi di Malaysia, berlaku kerana daya pengeluaran yang rendah kerana pengerjaan tanah yang tidak ekonomik, pulangan bersih yang kecil kerana kos-kos input (seperti racun, membajak dan sewa tanah) yang meningkat, hasil yang tidak mencukupi kerana menumpukan pekerjaan hanya kepada menanam padi, dan penumpuan terlampau ramai isi keluarga ke atas sumber padi (Chamhuri Siwar dan Mohd. Anuar Md. Amin 1989:39-43). Sukor Kasim (1985), misalnya telah melihat kemiskinan dalam sektor pertanian. Beliau menyatakan bahawa terdapat tujuh sebab atau faktor kukuh kemiskinan. Faktor-faktor tersebut ialah saiz tanah kecil dan penyewa, pertumbuhan penduduk, hasil pengeluaran yang tidak bertambah, perpindahan buruh sawah padi, kurang perhatian bagi tanaman lain dan aktiviti-aktiviti ladang, tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan selain daripada sektor pertanian, serta kos sara hidup yang meningkat. Selain daripada itu kemiskinan luar bandar juga berpunca dari taraf pendidikan yang rendah. Menurut kajian, kadar buta huruf di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan kawasan bandar di Malaysia (Abdillah, 1999). Keadaan ini menyebabkan penduduk luar bandar yang berpendidikan rendah tidak berupaya untuk mendapatkan pekerjaan yang mampu meningkatkan taraf hidup. Kadar kemiskinan luar bandar sukar untuk dibanteras dengan kekurangan golongan profesional di antara penduduk luar bandar.

FAKTOR KEDUA: JUMLAH BANTUAN BERDASARKAN JANTINA KETUA ISI RUMAH

Di kebanyakan kes kemiskinan di dunia, kebanyakan isi rumah yang diketuai oleh wanita amat berisiko tinggi untuk berada dalam kemiskinan (D. Kyaw dan JK Routray, 2006). Perkara yang sama berlaku di Malaysia. Isi rumah yang diketuai wanita mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi menjadi miskin berbanding dengan isi rumah yang diketuai lelaki. Penentuan Had Kifayah sekarang gagal untuk membezakan jantina ketua isi rumah yang sudah tentu mempunyai keperluan dan karektor kemiskinan yang berbeza dan kriteria antara lelaki dan wanita. Dalam konteks Malaysia, pelbagai masalah timbul dalam hal ini.

Ketua Isi rumah wanita selalunya mempunyai tanggungjawab yang lebih, selain daripada menguruskan keluarga dan anak yang menjadikan mereka kurang masa untuk kegiatan lain. Dalam erti kata lain, mereka mengalami kemiskinan masa dan keperluan mereka tidak sama seperti orang-orang lelaki (Nilufer Cagatay, 1998). Para pengkaji sering berhujah bahawa wanita adalah lebih miskin daripada lelaki dan konsep yang biasa digunapakai adalah "Kemiskinan Wanita" (*feminization of poverty*).

Kajian di Afrika, negara-negara Timur Tengah dan Asia menunjukkan bahawa penghijrahan kaum lelaki telah mewujudkan isi rumah yang diketuai oleh wanita (Makinwa-Adebusoye, 1988). Ketua Isi rumah wanita juga lebih terjejas semasa krisis ekonomi dan menjadikan mereka lebih miskin (Seidl, A. (2000). Kajian di Bangladesh pula mendapati sebahagian besar daripada ketua-ketua isi rumah wanita terdiri dari balu dan wanita yang belum berkahwin (Ruzika dan Chowdhury, 1978; Ellickson, 1975; Kain et al, 1979).

Barros et al. (1997) membuktikan bahawa ketua isi rumah wanita mempunyai kekurangan dari segi sosial, ekonomi dan demografi berbanding dengan ketua isi rumah lelaki dan dengan sebab itu mereka lebih cenderung untuk menjadi miskin. Ini dibuktikan dengan hasil kajian beliau di Brazil yang menunjukkan bahawa isi rumah yang diketuai oleh wanita cenderung untuk mempunyai pendapatan isi rumah lebih rendah berbanding dengan isi rumah yang lain. Senada and Sergio (2007) menyiasat samaada isi rumah wanita lebih terdedah kepada kemiskinan di Bosnia dan Herzegovina. Dengan menggunakan perbelanjaan per capita tahunan bagi mengukur kemiskinan sebaliknya, mereka mendapati kemiskinan lebih tertumpu dikalangan ketua isi rumah lelaki.

Faktor Kemiskinan Dikalangan Wanita

Buvinic dan Gupta (1997) mengenal pasti tiga sebab utama kemiskinan dikalangan ketua isi rumah wanita. Pertama, isi rumah wanita secara umum mempunyai lebih tanggungan dan mempunyai nisbah ahli keluarga yang tidak bekerja lebih tinggi berbanding dengan ketua isi rumah lelaki. Kedua, wanita biasanya mempunyai upah yang lebih rendah berbanding dengan kaum lelaki selain mereka mempunyai akses yang kurang untuk aset. Ketiga, wanita biasanya menanggung beban kerja-kerja rumah yang menyebabkan kekangan masa dan mobiliti berbanding ketua isi rumah lelaki. Dalam erti kata lain, ketua isi rumah wanita mesti memikul beban sokongan ekonomi dan isi rumah kerja-kerja, yang meninggalkan mereka dengan masa yang kurang untuk masa lapang berbanding dengan ketua-ketua lelaki. Ini berkaitan antara jumlah jam waktu kerja dan waktu lapang yang diambil kira dalam menentukan kemiskinan. Buvinic dan Gupta (1997) membuktikan bahawa di Chile, program pengurangan kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita merupakan cara terbaik dalam mengurangkan kemiskinan di negara tersebut.

Definisi kemiskinan samaada secara relatif atau mutlak selalunya tinggi di kalangan wanita terutama bagi wanita yang menjadi ketua isi rumah. Bagi wanita yang bercerai hidup atau mati, mereka boleh menjadi miskin serta merta sekiranya terpaksa menanggung anak tanpa sebarang nafkah atau harta yang ditinggalkan (Nor Aini Haji Idris et.al 2012). Disamping itu, kewujudan kanak-kanak di dalam keluarga yang diketuai oleh wanita khususnya ibu tunggal atau nenek haruslah diambil perhatian kerana fenomena keluarga sebegini makin bertambah. Anastasia R. Snyder (2006) mendapati bahawa satu-perempat dari keluarga di Amerika yang diketuai oleh wanita adalah terdiri dari warga emas dan cucu disamping kadar kemiskinan yang lebih tinggi bagi keluarga tersebut. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai sumber ekonomi disebabkan ketiadaan orang dewasa dalam keluarga mereka.

Dalam kepelbagaian budaya dan tahap pembangunan ekonomi, wanita cenderung untuk banyak terlibat dalam pekerjaan yang tidak dibayar (cth: menjaga keluarga) berbanding dengan lelaki, yang cenderung untuk bekerja di dalam aktiviti yang mendapat bayaran. Namun, kebanyakan wanita terjebak kepada diskriminasi dalam pekerjaan, bantuan modal yang kurang serta mereka juga memiliki harta peninggalan yang kurang berbanding dengan lelaki (D. Kyaw dan JK Routray, 2006). Dalam sesetengah masyarakat, janda, wanita bercerai atau ditinggalkan mungkin terjebak dengan pengecualian sosial, pengasingan dari keluarga dan gangguan, menjadikan mereka amat sukar untuk mengekalkan kehidupan untuk diri sendiri atau anak-anak mereka.

Ketua isi rumah wanita yang mempunyai anak kecil mungkin menghadapi kekangan masa yang menghadkan waktu kerja mereka. Walaupun jumlah ketua isi rumah wanita adalah kecil berbanding ketua isi rumah lelaki namun jumlah ini semakin meningkat dikebanyakkan rantau dunia (Buvinic dan Gupta 1997). Selain itu kebanyakan ketua isi rumah wanita terdiri dari golongan warga emas yang mempunyai kekangan tenaga untuk bekerja (Gomez and Gatton, 1987). Mereka juga mempunyai tahap pendidikan yang kurang dan mempengaruhi jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka yang kebanyakannya jenis pekerjaan yang diceburi tidak memerlukan kelayakan akademik yang tinggi (Buvinic and Youssef, 1978). Dari segi pekerjaan pula, kaum wanita lebih banyak terlibat dalam aktiviti ekonomi yang tidak formal yang menyumbang kepada pendapatan yang kecil (Merrick and Schmink, 1983).

KESIMPULAN

Perbezaan antara fenomena kemiskinan bandar dan luar bandar amatlah ketara. Ini telah dibuktikan dengan beberapa kajian lepas yang membuktikan walaupun kemiskinan di bandar mempunyai jumlah yang kurang berbanding dengan luar bandar namun impaknya lebih terasa

berbanding dengan luar bandar. Ini disebabkan oleh perbezaan corak perbelanjaan yang berbeza antara kedua-dua kawasan ini ditambah pula oleh perbezaan kos sara hidup. Dalam menentukan purata garis kemiskinan zakat bagi kawasan bandar, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian seperti kos sara hidup untuk perumahan dan pengangkutan yang menjadi perbelanjaan terbanyak malah lebih banyak dari perbelanjaan untuk makanan. Manakala bagi kemiskinan luar bandar pula, perkara-perkara seperti bantuan pembelajaran, perniagaan dan latihan kemahiran adalah penting bagi membolehkan mereka bekerja dan berdikari.

Selain itu banyak kajian-kajian lepas mendapati kemiskinan di kalangan jantina ketua isi rumah banyak tertumpu di kalangan ketua isi rumah wanita berbanding ketua isi rumah lelaki. Ini adalah kerana faktor tenaga, sosial, pendidikan, kebolehan dan masa yang banyak memihak kepada ketua isi rumah lelaki. Faktor-faktor sebegini harus diambil perhatian oleh pihak pengurusan zakat dalam membahagikan bantuan zakat kerana mungkin masalah kemiskinan di kalangan wanita dapat diselesaikan dengan cara menyelesaikan masalah-masalah berikut.

Oleh kerana zakat berfungsi sebagai sumber pengagihan sumber-sumber dari golongan kaya kepada golongan miskin (iaitu zakat mencegah penumpuan kekayaan di tangan orang kaya), ianya menjadi pendekatan yang berkesan untuk memerangi kemiskinan. Secara keseluruhannya, keputusan perbincangan ini haruslah diberi perhatian terhadap pembuat polisi khususnya kepada agensi pentadbiran zakat dalam menentukan Had Kifayah. Penentuan Had Kifayah dan pengurusan zakat yang efektif akan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi masyarakat Islam di negeri itu.

Rujukan

- Al-Qur'an (2:43,110, 177, 277; 4:162; 9:103; 24:56; 73:20; 98:5)
- Abuzar Asra, 2000; "Poverty and Inequality in Indonesia: Estimates, decomposition, and key issues." *Journal of the Asia Pacific Economy* 5 (1/2) 2000: 91-111.
- Ahmad Fahme (2011). *The Role of Zakat in Reducing Poverty Reduction in Kelantan, Malaysia*. Msc. Thesis Dissertation. University Putra Malaysia.
- Ahmed, H. (2004). *Role of zakah and awqaf in poverty alleviation*. Islamic Development Bank, Islamic Research and Training Institute.
- Ahmad, N., 2005. The role of government in poverty reduction. *Proceeding of the National Seminar on Poverty Eradication through Empowerment*, Aug. 23, Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Mohd Noor, Rozman Hj Md Yusof & Ahmad Che Yaakob. (2008). "Performance Indicators Model For Zakat Institution". *Jurnal Pengurusan JAWHAR* : 70-84.
- Anastasia R. Snyder, Diane K. McLaughlin, Jill Findeis, 2006, *Household Composition and Poverty among Female-Headed Households with Children: Differences by Race and Residence*, *Rural Sociology* 71(4), 2006, pp. 597-624
- Alam, F., Siwar, C., Talib, B., & Islam, R. (2011). The Analysis of International Migration towards Economic Growth. *American Journal of Applied Sciences*, 8(8), 782.
- Abdillah, F. (1999). *Keberkesanan Penggunaan perpustakaan desa di Sabah*.
- Buvinic, M., Nadiah H. Youssef, Barbara Von Elm. 1978. *Women-Headed Households: The Ignored Factor in Development Planning*, International Center for Research on Women, Washington, D.C.
- Buvinić, M., & Gupta, G. R. (1997). Female-headed households and female-maintained families: are they worth targeting to reduce poverty in developing countries?. *Economic development and cultural change*, 45(2), 259-280.
- Bakar, M. A., & Ghani, A. A. (2011). Towards achieving the quality of life in the management of zakat distribution to the rightful recipients (the poor and needy). *International Journal of Business and Social Science*, 2(4), 237-245.
- Department of Awqaf, Zakat and Hajj, Prime Minister's Department, Malaysia.

- D. Kyaw and J. K. Routray, Gender and Rural Poverty in Myanmar: A Micro Level Study in the Dry Zone. *Journal of Agriculture and Rural Development in the Tropics and Subtropics* Volume 107, No. 2, 2006, pages 103–114.
- Fields, G.S. (1980), *Poverty, Inequality and Development*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fuadah Johari. (2004). *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah kemiskinan di Negeri Melaka*. Disestasi Sarjana Syariah dan Ekonomi. Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid & Radiah Abdul Kader. 2010. Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amil and Zakat Recipients. dalam Abdul Ghafar et.al (penyt.) *Proceedings of Seventh International Conference. The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*. pp. 461-484. ISBN 978-983-44351-2-7.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, 2004, Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1 (1). 151-166.
- Hassan, K., & Ashraf, A. (2010). AN Integrated poverty alleviation model; combining Zakat, Awqaf and micro-finance. In *Seventh International Conference–The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi*.
- Hassan M.K & Khan J.M. (2007). Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh. *Journal Of Economic Cooperation*. 28 (4) 1-38.
- Heyzer, Noeleen. 1991. “Synthesis on Major Approaches on Poverty Alleviation and Gender Equity from the Perspective of Women” in Rita, R.J. and Heyzer, N (eds.) *Gender, Economic Growth and Poverty, Report of the APDC Policy Dialogue held in Hanoi, Vietnam, 14-24 October 1990*, APDC, Kuala Lumpur, pp. 66-72.
- Hasan Bahrom, 2004, “Remaja, Kemiskinan Dan Juvana Suatu Realiti?” Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (Sivic 2004)", Hotel City Bayview Langkawi, Kedah. 4 – 6 September 2004.
- Improving Poverty Reduction Strategies through Gender Equality Improving Poverty Reduction Strategies through Gender Equality Oxfam Briefing Paper 51, 2004.
- JAWHAR. 2007. *Manual Pengurusan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Jasni Sulong dan Anwar Mohd Ali , 2012, *Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undang-Undang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh Dan Negeri Kedah, Kajian Malaysia, Vol. 30, No.1, 2012, 107–138*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2012
- Kabeer, Naila. 1996. Agency, Well-being and Inequality: Reflections on Gender Dimensions of Poverty. *IDS Bulletin*. 27 (1), pp. 11–21.
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohd Fauzi Mohd Harun, Ariffin Mohd Salleh, Nor Aini Haji Idris. 2011, “Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: A Theoretical Survey.” *Jurnal Ekonomi Malaysia* 45(2011) 123 – 129.
- Mohd Parid Syeikh Ahmad, 2001, “Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam.” Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Mannan M.A (1986). *Islamic economics: Theory and practice*. Cambridge: Hodder and Stroughton
- Mohamed Dahan Abdul Latif (2001) Pendekatan Kepada Cara Pengagihan Dana zakat yang Dinamik Sesuai dengan Suasana Semasa. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Muhammad Syukri Salleh (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoritis. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Merrick, Thomas M and Marianne Schmink. 1983. “Households Headed by Women and Urban Poverty in Brazil” in Buvinic, M., Margaret A. Lycette and William Paul McGreevey (eds.)

- Women and Poverty in the Third World, The John Hopkins University Press, Baltimore and London, pp. 244-271.
- Makinwa-Adebusoye, P. K. (1988). Upgrading and Urban Squatter Settlement in Nigeria: the experiment in Olaleye-Iponri. *Urban Services in Developing Countries*, 175-194.
- M. Ridhwan. 2012. Introduction to Islamic Institutions in Economics and Finance, USIM Bandar Baru Nilai Publisher.
- Nilüfer Cagatay, 1998. Gender And Poverty. Social Development and Poverty Elimination Division, United Nations Development Programme.
- Nasim Shah Shirazi (1996). "Targeting, Coverage and Contributing of Zakat to Household's Income: The Case Of Pakistan" *Journal of Economic Cooperation Among Islamic Countries* vol.17.
- Nor Aini Haji Idris and Doris Padmini Selvaratnam, 2012, "Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan" *PROSIDING PERKEM VII, JILID 1 (2012) 248 – 259* ISSN: 2231-962X
- Nurhayati, S. E. (2011). Peningkatan Sumber Daya Manusia Menuju Ekonomi Rakyat Berbasis Koperasi Indonesia. In *PROSIDING SEMINAR NASIONAL* (Vol. 1, No. 1).
- Patmawati Ibrahim. 2006. The Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor, PhD Thesis, Faculty of Economics & Management, Universiti Putra Malaysia.
- Patmawati Binti Haji Ibrahim Dan Rahisam Bin Ramli. 2010. Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan Dan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan Di Negeri Sembilan. *Prosiding PERKEM V, Jilid 2 (2010) 104 – 113* Issn: 2231-962x.
- Ragayah Haji Mat Zin. 2012. "Malaysia: Towards a Social Protection System in an Advanced Equitable Society." *ASEAN Economic Bulletin* 29.3 (2012): 197-217. *Project MUSE*. Web. 24 Jul. 2013.
- Ravallion, M. (1992). Poverty comparisons. *Living Standard Measurement Study Working Paper*, 88.
- Ravallion, M., & Bidani, B. (1994). How robust is a poverty profile?. *The World Bank Economic Review*, 8(1), 75-102.
- Siwar, C., & Amin, M. A. M. (1989). *Kemiskinan di kalangan petani padi: kajian kes di besut, kemubu seberang prai, tanjung karang dan jasin*. Faculty of Economics, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smajic, S., & Ermacora, S. (2007). Poverty amongst Female-headed Households in Bosnia and Herzegovina: an empirical analysis.
- Syed Othman al Habshi, 1990. Peranan dan Struktur Bayt al Mal, Zakat dan Wakaf Di Dalam Konteks Peralihan Arah Strategi Pembangunan Ekonomi Umat Islam, Paper presented at the Seminar On Islam and Development organized by IIUM.
- Syed Othman Al Habshi, 2006. Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara.
- Sylvia Chant and Edward Elgar. 2010 "The International Handbook of Gender and Poverty: Concepts, Research, Policy."
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). Penswastan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13 (2), 175-196.
- Sen, Gita. 1991. "The Growth and Planning Processes and Their Effects on Gender and Poverty in the Asian Region" in Rita, R.J. and Heyzer, N (eds.) *Gender, Economic Growth and Poverty*, Report of the APDC Policy Dialogue held in Hanoi, Vietnam, 14-24 October 1990, APDC, Kuala Lumpur, pp. 15-17.
- Seidl, A. 2000. *Economic issues and the diet and the distribution of environmental impact. Ecological economics*, 34(1), 5-8.
- Todd Benson, 2000; "The State Of Malawi's Poor: The Incidence, Depth, And Severity Of Poverty" *The Poverty Analysis Of The Integrated Household Survey*.

- Wess. H. (2002). Reorganizing Social Welfare among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana. *Journal of Religion in Africa*. 32(1)
- Wahid, Hairunnizam, Sanep Ahmad, and Radiah Abdul Kader, 2010, "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia." *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4.1 (2010).
- Yusuf Qardhawi. 2000. *Fiqh al-Zakah*, English Translation by Monzer Kahf, Jeddah, Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University.
- Yunus, M. (2007). *Menciptakan Dunia Tanpa Kemiskinan*. Gramedia Pustaka Utama.
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad and Mohd Ali Mohd Noor. 2012. Zakat as A Catalyst to Economics Development: Towards High-Income Country. *Prosiding PERKEM VII, Jilid 2* (2012) 1263 – 1273 ISSN: 2231-962X.